

22 AUG 1998

Mahathir-ekonomi

MALAYSIA TERSILAP IKUTI NASIHAT IMF UNTUK PULIH NEGARA

KOTA BAHARU, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan pernah tersilap dengan mengikuti nasihat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika cuba memulihkan semula ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata ekoran daripada kesilapan mengikuti nasihat daripada IMF itu, ekonomi Malaysia terus merosot sejak bermulanya kemelesetan Julai tahun lepas.

"Misalnya, kita terikut-ikut dengan kehendak IMF, apabila kita naikan kadar faedah dan kurangkan kredit, serta kita menganjak non-performing loan daripada enam bulan baru dianggap sebagai non performing kepada tiga bulan, sudah tentulah syarikat-syarikat menghadapi masalah," katanya pada persidangan berita selepas menghadiri majlis Perhimpunan Rakyat di Kampung Chengal dekat sini, sempena lawatan seharinya ke Kelantan.

Mengenai kenyataan Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin semalam bahawa ekonomi negara telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan akan semakin ketara pada akhir tahun ini, Dr Mahathir berkata kenyataan itu kemungkinan daripada kajiannya (Daim).

"Barangkali ini adalah hasil daripada kajiannya, saya belum bincang dengan Tun Daim berhubung pemulihan yang dia ramalkan ini. Saya nak kena tanya dia dululah," katanya.

Daim semalam berkata pemulihan ekonomi negara mula ketara apabila nilai pertukaran Ringgit agak stabil berbanding mata wang beberapa negara Asia lain.

Katanya pelaksanaan program pemulihan ekonomi yang dicadangkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kini mendapat reaksi positif daripada pelabur luar negara.

Mengenai kenyataan Daim bahawa Malaysia sepatutnya telah memulakan pelan pemulihan ekonomi negara sejak dahulu lagi, Dr Mahathir berkata: "Dia (Daim) memang betul. Kita telah membuat beberapa langkah yang salah, yang menyebabkan ekonomi kita merosot".

Perdana Menteri juga berkata dalam lawatannya ke seluruh negara bagi menjelaskan kepada rakyat berhubung keadaan ekonomi negara masa ini, beliau berpuas hati dengan tahap sokongan rakyat terhadap langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan.

Dr Mahathir yakin Malaysia mampu untuk mengatasi cabaran ini melalui beberapa tindakan luar biasa yang bakal diambil oleh kerajaan.

"Kita perhatikan apa yang dibuat oleh Hong Kong umpamanya, kerajaan sendiri membeli saham. Ini adalah tindakan-tindakan luar biasa yang terpaksa dilakukan untuk memulihkan keadaan dan kita juga akan dapat pulih," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI